

30 DEC 2002

Sambutan-Trafik

BEBERAPA JALAN DI BANDAR RAYA DITUTUP SENPENA AMBANG 2003

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Beberapa jalan utama di sekitar ibu kota akan ditutup bermula 6 petang esok sempena sambutan Ambang 2003.

Ketua Trafik Kuala Lumpur Supt Ahmad Shamsuri Ahmad Mukri berkata kawasan yang terbabit ialah sekitar KLCC, Dataran Merdeka, Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail.

Katanya jalan-jalan yang akan ditutup ialah Jalan Parlimen, Jalan Sultan Hishamuddin, Bulatan Datuk Onn, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Mahkamah Persekutuan, Jalan Binjai, Jalan Lumba Kuda, Lorong Lumba Kuda, Jalan Raja Chulan dan Jalan Imbi.

Ketika bercakap pada sidang media di ibu pejabat polis kontinjen Kuala Lumpur hari ini, beliau menasihati orang ramai supaya memberi kerjasama kepada anggota polis yang bertugas bagi mengelakkan kesesakan lalulintas.

Katanya hampir 30,000 orang dijangka hadir pada sambutan di KLCC. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dijangka merupakan antara tetamu kehormat pada majlis itu.

Beliau juga mengingatkan orang ramai agar meletakkan kenderaan di tempat-tempat yang telah disediakan oleh penganjur.

Mereka yang ingin berkunjung ke tapak-tapak sambutan digalakkan menggunakan kemudahan pengangkutan awam agar tidak mengalami kesusahan ketika pulang nanti, katanya.

Beliau berkata seramai 150 polis trafik akan ditugaskan mengawal keselamatan lalulintas dan akan dibantu oleh anggota polis cawangan lain.

-- BERNAMA

NAA NBB AKT NMO